



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PEMULIHAN FUNGSI KEMAHIRAN MOTOR HALUS KANAK-KANAK
MASALAH PEMBELAJARAN OLEH JURUPULIH CARA KERJA
DI PUSAT TERAPI**

TG SUSYANTI HIRWANY BINTI TG MAHASSAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN KHAS)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pemulihan fungsi kemahiran motor halus kanak-kanak masalah pembelajaran oleh jurupulih cara kerja di tiga pusat terapi. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti masalah kemahiran motor halus kanak-kanak masalah pembelajaran dan jenis aktiviti terapi yang paling efektif untuk pemulihan fungsi kemahiran motor halus kanak-kanak masalah pembelajaran yang menjalani terapi cara kerja di pusat terapi. Reka bentuk kajian kes telah digunakan dalam kajian ini. Pemilihan responden kajian dijalankan secara pensampelan bertujuan melibatkan tiga orang jurupulih terapi cara kerja dan tiga orang kanak-kanak masalah pembelajaran yang mengalami masalah fungsi kemahiran motor halus. Kanak-kanak ini juga merupakan klien kepada jurupulih cara kerja di tiga pusat terapi yang telah dipilih. Tiga jenis instrumen kajian digunakan iaitu senarai semak pengesanan masalah kemahiran motor halus, senarai semak aktiviti terapi cara kerja, soalan temu bual ibu bapa dan laporan sesi terapi. Data pemerhatian, temu bual dan dokumen rasmi dianalisis secara diskriptif. Dapatan kajian mendapat terdapat pemulihan dalam fungsi masalah kemahiran motor halus kanak-kanak masalah pembelajaran selepas menerima empat sesi terapi yang dijalankan oleh jurupulih cara kerja di pusat terapi. Kajian juga mendapat jenis aktiviti kemahiran motor halus yang paling efektif adalah terapati, diikuti dengan aktiviti manik dan tali, kapas berwarna, duit syiling, klip baju, menguntai tali, skru dan nat dan *pegboard*. Kesimpulannya lapan aktiviti kemahiran motor halus dalam sesi terapi oleh jurupulih cara kerja berkesan memulihkan fungsi kemahiran motor halus kanak-kanak masalah pembelajaran. Implikasi kajian menunjukkan penggunaan aktiviti kemahiran motor halus adalah sesuai diaplikasikan di dalam bilik darjah bagi memulihkan fungsi kemahiran motor halus kanak-kanak masalah pembelajaran.





RECOVERY OF FINE MOTOR SKILL FUNCTIONS OF CHILDREN WITH LEARNING DISABILITIES BY THE OCCUPATIONAL THERAPIST IN THE THERAPY CENTER

ABSTRACT

The purpose of this study was to investigate the recovery of the fine motor skills function among children with learning disabilities by the therapist at three therapy centers. The objective of the study was to identify the problem of fine motor skills among children with learning disabilities that went for occupational therapy at three therapy centers and most effective type of therapy activities that will recover their fine motor skill functions. The case study designs was used in this study. The selection of respondents was based on purposive sampling involving three occupational therapists and three children with learning disabilities who had problem with their fine motor skill functions. The children were also clients of occupational therapists in three selected therapy centers. Three types of instruments used were the checklist of fine motor skills problems, checklist of occupational therapy activities, interview questions and the occupational therapy reports. Data from observations, interviews and official documents were analysed descriptively. The findings showed that there was a recovery in the functions of fine motor skill problems in children with learning disabilities after receiving four occupational therapy sessions conducted by the occupational therapist at the therapy centers. The most effective fine motor skill activity was theraputty followed by the activities of beads and rope, colored cotton, coins, shirts, rope straps, screws and nuts, and pegboard. In conclusions eight fine motor skill activities in therapy sessions are effective to recover the functions of fine motor skills of the children with learning disabilities. The implication of the study showed that the use of fine motor skill activities were appropriate to be applied in the classroom to recover the functions of fine motor skills among children with learning disabilities.





KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xix



BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.2.1 Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK) Putrajaya	5
1.2.2 Klinik Kesihatan Kerajaan	6
1.2.3 Pusat Perkembangan Kanak-Kanak ORLIN, Putrajaya	6
1.3 Penyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian	10





1.5	Persoalan Kajian	10
1.6	Kepentingan Kajian	11
1.7	Batasan Kajian	12
1.8	Kerangka Konseptual Kajian	13
1.9	Definasi Operasional	17
1.9.1	Terapi Cara Kerja	17
1.9.2	Jurupulih Cara Kerja	18
1.9.3	Kemahiran Motor Halus	18
1.9.4	Pusat Terapi	19
1.9.5	Pemulihan	19
1.9.6	Kanak-Kanak Masalah Pembelajaran	19



BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	21
2.2	Terapi Cara Kerja	22
2.3	Perkhidmatan Jurupulih Terapi Cara Kerja	24
2.4	Proses Dalam Terapi Cara Kerja	27
2.4.1	Penilaian Awal	27
2.4.2	Intervensi	28
2.4.3	Hasil / Penilaian Akhir	29
2.5	Aktiviti-Aktiviti Terapi Cara Kerja Yang Dijalankan Kepada Kanak-Kanak Masalah Pembelajaran	29





2.5.1	Aktiviti Terapati	31
2.5.2	Aktiviti <i>Pegboard</i>	32
2.5.3	Aktiviti Menguntai Tali	32
2.5.4	Aktiviti Skru dan Nat	33
2.5.5	Aktiviti Duit Syiling	34
2.5.6	Aktiviti Manik dan Tali	35
2.5.7	Aktiviti Klip Baju	35
2.5.8	Aktiviti Kapas Berwarna	36
2.6	Teori- Teori Berkaitan	37
2.6.1	Teori Perkembangan Piaget	38
2.6.2	Teori Pembelajaran Vygotsky	40
2.7	Kemahiran Motor Halus	41
2.7.1	Kepentingan Kemahiran Motor Halus Kepada Kanak-Kanak Masalah Pembelajaran	44
2.8	Kajian Lepas	46
2.9	Rumusan	52

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	53
3.2	Reka Bentuk Kajian	53
3.3	Sampel Kajian	55
3.3.1	Responden Jurupulih Terapi Cara Kerja	56
3.3.2	Responden Kanak-Kanak Masalah Pembelajaran	56





3.3.3 Responden Ibu dan Bapa	57
------------------------------	----

3.4 Lokasi Kajian	58
-------------------	----

3.5 Prosedur Kajian	58
---------------------	----

3.6 Kaedah Pengumpulan Data	60
-----------------------------	----

3.6.1 Pemerhatian	62
-------------------	----

3.6.1.1 Sebelum Sesi Terapi Cara Kerja	63
--	----

3.6.1.2 Semasa Sesi Terapi Cara Kerja	64
---------------------------------------	----

3.6.1.3 Selepas Sesi Terapi Cara Kerja	64
--	----

3.6.2 Temu Bual	68
-----------------	----

3.7 Instrumen Kajian	70
----------------------	----

3.7.1 Senarai Semak	70
---------------------	----



3.7.1.1 Senarai Semak Pengesahan Masalah Kemahiran Motor Halus Kanak-Kanak Di Pusat Terapi

3.7.1.2 Pengesahan Pakar Senarai Semak Pengesahan Masalah Kemahiran Motor Halus Kanak-Kanak Di Pusat Terapi	72
--	----

3.7.1.3 Senarai Semak Aktiviti-Aktiviti Terapi Cara Kerja	77
--	----

3.7.1.4 Pengesahan Pakar Senarai Semak Pemerhatian Aktiviti Terapi Cara Kerja	78
---	----

3.7.2 Soalan Temu Bual	82
------------------------	----

3.7.2.1 Pengesahan Pakar Untuk Protokol Temu Bual	82
--	----

3.7.3 Analisis Dokumen	85
------------------------	----





3.8	Kaedah Analisis Data	86
3.8.1	Analisis Data Pemerhatian	86
3.8.2	Analisis Data Temu Bual	87
3.8.3	Analisis Data Dokumen	88
3.9	Kajian Rintis	89
3.10	Rumusan	93

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	94
4.2	Demografi Responden	95
4.2.1	Profil Jurupulih Terapi Cara Kerja 3PK	95
4.2.2	Profil Jurupulih Terapi Cara Kerja Klinik Kesihatan, Jinjang	96
4.2.3	Profil Jurupulih Terapi Cara Kerja Pusat ORLIN	96
4.2.4	Responden Kanak-Kanak Masalah Pembelajaran	97
4.2.4.1	Profil Kanak-Kanak A (R1)	98
4.2.4.2	Profil Kanak-Kanak B (R2)	98
4.2.4.3	Profil Kanak-Kanak C (R3)	98
4.3	Responden Ibu dan Bapa	99
4.4	Analisis Dapatan Kajian	99
4.4.1	Soalan Kajian 1 : Apakah masalah kemahiran motor halus kanak-kanak masalah pembelajaran di Pusat Terapi?	100





4.4.2	Soalan Kajian 2 : Apakah hasil aktiviti-aktiviti terapi yang dijalankan oleh jurupulih carakerja untuk kanak-kanak masalah pembelajaran yang mempunyai masalah kemahiran motor halus di Pusat Terapi?	110
4.4.3	Soalan Kajian 3 : Apakah jenis-jenis aktiviti terapi yang efektif untuk pemulihan fungsi kemahiran motor halus kanak-kanak masalah pembelajaran di Pusat Terapi?	117
4.5	Rumusan	135

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN



5.1	Pendahuluan	137
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	138
5.2.1	Masalah kemahiran motor halus kanak-kanak masalah pembelajaran di Pusat Terapi	138
5.2.2	Hasil aktiviti-aktiviti terapi yang dijalankan oleh jurupulih cara kerja untuk kanak-kanak masalah pembelajaran yang mempunyai masalah kemahiran motor halus di Pusat Terapi	140
5.2.3	Jenis-jenis aktiviti terapi yang efektif untuk pemulihan fungsi kemahiran motor halus kanak-kanak masalah pembelajaran di Pusat Terapi	141
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	142
5.3.1	Implikasi kepada Guru Pendidikan Khas	143
5.3.2	Implikasi kepada Kanak-Kanak Masalah Pembelajaran	143





5.3.3	Implikasi Kepada Ibu Bapa	144
5.3.4	Implikasi kepada Jurupulih Terapi Cara Kerja	144
5.3.5	Implikasi kepada Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia	145
5.4	Batasan Kajian dan Cadangan Kajian Lanjutan	146
5.5	Rumusan	148
	RUJUKAN	151
	LAMPIRAN	



**SENARAI JADUAL**

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Proses Dalam Terapi Cara Kerja	27
3.1 Maklumat Responden Kanak-Kanak	57
3.2 Prosedur Menjalankan Sesi Terapi Cara Kerja Kepada Kanak-Kanak Bermasalah Fungsi Kemahiran Motor Halus	65
3.3 Senarai Panel Pengesahan Instrumen Kajian	73
3.4 Kadar Peratusan Pengesahan Pakar Untuk Instrumen Senarai Semak Pengesahan Masalah Kemahiran Motor Halus Kanak-Kanak	74
3.5 Rumusan Pakar Bagi Instrumen Senarai Semak Pengesahan Masalah Kemahiran Motor Halus Kanak-Kanak Masalah Pembelajaran	76
3.6 Kadar Peratusan Pengesahan Pakar Untuk Senarai Semak Aktiviti Terapi Cara Kerja	78
3.7 Rumusan Pakar Bagi Instrumen Senarai Semak Aktiviti Terapi Cara kerja	81
3.8 Kadar Peratusan Pengesahan Pakar Untuk Instrumen Protokol Temu Bual Ibu Bapa	83
3.9 Rumusan Pakar Bagi Instrumen Protokol Soalan Temu Bual Ibu Bapa	85
3.10 Ringkasan Persoalan Berserta Instrumen Dan Analisis Yang digunakan	89
3.11 Masalah Kemahiran Motor Halus Yang Ditunjukkan Oleh Responden Kajian Rintis	91
3.12 Dapatan Kajian Rintis	91
4.1 Maklumat Responden	97
4.2 Masalah Kemahiran Motor Halus Kanak-Kanak Bermasalah Pembelajaran Yang Dikenalpasti Oleh Jurupulih Cara kerja Di Pusat Terapi	101
4.3 Rumusan Masalah Fungsi Kemahiran Motor Halus Responden R1, R2 Dan R3	109





4.4	Ringkasan Aktiviti-Aktiviti Untuk Pemulihan Kemahiran Motor Halus	111
4.5	Senarai Lapan Aktiviti Terapi Untuk Fungsi Pemulihan Motor Halus	112
4.6	Aktiviti Terapi Yang Dijalankan Oleh Jurupulih Di 3PK, KK dan ORLIN	114
4.7	Jenis-Jenis Aktiviti Terapi Yang Efektif Untuk Pemulihan Fungsi Kemahiran Motor Halus Kanak-Kanak Masalah Pembelajaran Di Pusat Terapi	118





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual kajian	14
2.1 Aktiviti Terapati	31
2.2 Aktiviti <i>Pegboard</i>	32
2.3 Aktiviti Menguntai Tali	33
2.4 Aktiviti Skru dan Nat	34
2.5 Aktiviti Duit Syiling	34
2.6 Aktiviti Manik dan Tali	35
2.7 Aktiviti Klip Baju	36
2.8 Aktiviti Kapas Berwarna	37
3.1 Carta Alir Prosedur Kajian	59
3.2 Triangulasi Data Kajian	61
3.3 Proses Menjalankan Terapi Cara Kerja Di Pusat Terapi	63
3.4 Proses Menjalankan Temu Bual	69
4.1 Peratus Masalah Fungsi Kemahiran Motor Halus Responden Kajian Secara Keseluruhan	103
4.2 Peratus Pemulihan Fungsi Kemahiran Motor Halus Responden Secara Keseluruhan Selepas Mendapat Sesi Terapi Cara Kerja di Pusat Terapi	120
4.3 Aktiviti Terapati	120
4.4 Aktiviti Manik Dan Tali	121
4.5 Aktiviti Kapas Berwarna	122
4.6 Aktiviti Duit Syiling	123





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

4.7	Aktiviti Klip Baju	124
4.8	Aktiviti Skru Dan Nat	124
4.9	Aktiviti Menguntai Tali	125
4.10	Aktiviti <i>Pegboard</i>	126



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xviii

SENARAI SINGKATAN

3PK	Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas
ADHD	<i>Attention Deficit Hyperactivity Disorder</i>
AOTA	<i>American Occupational Therapy Association</i>
DCD	<i>Developmental Coordination Disorder</i>
DDST	<i>Denver Development Screening Test</i>
LD	<i>Learning Disabilities</i>
KK	Klinik Kesihatan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MP	Masalah Pembelajaran
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kelulusan Menjalankan Kajian daripada Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusian Universiti Pendidikan Sultan Idris
- B Surat Kelulusan Menjalankan Kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia
- C Senarai Semak Pengesahan Masalah Kemahiran Motor Halus Kanak-Kanak Di Pusat Terapi
- D Senarai Semak Pemerhatian Aktiviti-Aktiviti Terapi Cara Kerja
- E1 Soalan Temu Bual Ibu Bapa
- E2 Soalan Temu Bual Jurupulih Cara Kerja
- F1 Transkrip Temu Bual Responden IB1
- F2 Transkrip Temu Bual Responden IB2
- F3 Transkrip Temu Bual Responden IB3
- G1 Pengesahan Pakar Instrumen Senarai Semak Pengesahan Masalah Kemahiran Motor Halus Kanak-Kanak Masalah Pembelajaran (Pakar 1)
- G2 Pengesahan Pakar Instrumen Senarai Semak Pengesahan Masalah Kemahiran Motor Halus Kanak-Kanak Masalah Pembelajaran (Pakar 2)
- G3 Pengesahan Pakar Instrumen Senarai Semak Pengesahan Masalah Kemahiran Motor Halus Kanak-Kanak Masalah Pembelajaran (Pakar 3)
- H1 Komen Dan Pengesahan Pakar Instrumen Senarai Semak Pemerhatian Aktiviti-Aktiviti Terapi Cara Kerja (Pakar 1)
- H2 Komen Dan Pengesahan Pakar Instrumen Senarai Semak Pemerhatian Aktiviti-Aktiviti Terapi Cara Kerja (Pakar 2)
- H3 Komen Dan Pengesahan Pakar Instrumen Senarai Semak Pemerhatian Aktiviti-Aktiviti Terapi Cara Kerja (Pakar 3)
- I1 Komen Dan Pengesahan Pakar Instrumen Protokol Temu Bual (Pakar 1)
- I2 Komen Dan Pengesahan Pakar Instrumen Protokol Temu Bual (Pakar 2)
- I3 Komen Dan Pengesahan Pakar Instrumen Protokol temu Bual (Pakar 3)





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

XX

- J Surat Kebenaran Penyertaan Kajian (Ibu Bapa)
- K Senarai Panel Pengesahan Instrumen Kajian



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832



1.1 Pendahuluan

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Terapi merupakan suatu kaedah yang boleh membantu seseorang individu untuk bergerak balas terhadap aktiviti atau kemahiran yang dilakukan. Terapi dalam konteks Pendidikan Khas adalah merupakan kaedah untuk membantu individu yang berkeperluan khas. Kaedah terapi membantu murid-murid yang bermasalah ketidakupayaan pembelajaran mencapai tahap perkembangan daripada segi kognitif, emosi, psikologi ataupun sosial. (Norfishah Mat Rabi & Hasrul Hossan, 2016)

Terapi Cara Kerja atau lebih dikenali sebagai *Occupational Therapy* (OT) adalah satu profesion kesihatan yang memberi fokus kepada pemulihan kecederaan, penyakit kecacatan fizikal dan mental serta keuzuran seseorang individu. Menurut Mahfuzah Zainol (2014), terapi cara kerja mempunyai pelbagai intervensi serta



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



modaliti rawatan yang dapat diberikan kepada murid istimewa untuk membantu mereka berdikari dalam kehidupan serta mengecapi kualiti kehidupan yang dikehendaki. Setiap intervensi yang dijalankan oleh terapis cara kerja mempunyai matlamat serta objektif tersendiri mengikut keperluan kanak-kanak. Terapi cara kerja mengambil kira kepentingan pendidikan dalam kehidupan kanak-kanak, serta memaksimakan keberdikarian kanak-kanak agar dapat terus menikmati kualiti kehidupan yang dikehendaki. Aspek-aspek kemahiran yang menjadi fokus terapi cara kerja adalah merangkumi Kemahiran Motor Kasar, Kemahiran Motor Halus, Kemahiran Menulis, Kemahiran Kognitif, Integrasi Sensori, Kawalan Postur Badan dan Keseimbangan serta Kemahiran Pengurusan Diri.

Bagi kanak-kanak yang dikenalpasti menghadapi masalah kemahiran motor



halus, mereka akan mendapatkan khidmat terapi seperti terapi cara kerja yang dikendalikan oleh pihak hospital kerajaan, Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas 3PK Kementerian Pendidikan Malaysia Putrajaya dan juga di Pusat Perkembangan Kanak-kanak. Keperluan terapi turut merangsang kanak-kanak masalah pembelajaran (MP) untuk bergerak balas secara positif terhadap sesuatu kemahiran serta dapat meningkatkan perkembangan fungsi kognitif, emosi, sosial dan psikomotor murid bermasalah pembelajaran (Nor Asyikin, 2015).

Oleh itu, pentingnya bagi ibu bapa dan guru-guru Pendidikan Khas mengetahui tentang kepentingan terapi cara kerja kepada kanak-kanak ini. Guru-guru Pendidikan Khas juga perlu bijak mengatur dan menyusun strategi dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) sesuatu matapelajaran di samping menerapkan aktiviti-aktiviti terapi carakerja yang bersesuaian dengan matapelajaran yang diajar.





Merujuk kepada Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013, 8(1)(c) yang menyatakan guru pendidikan khas boleh melakukan pengubahsuaian dan pemantapan kaedah dan teknik terhadap pengajaran dan pembelajaran, masa dan susunan aktiviti, mata pelajaran dan bahan bantu mengajar murid khas di sekolah bagi mencapai perkembangan dan pembangunan insan ke arah kesejahteraan dan keharmonian sejagat.

1.2 Latar Belakang Kajian

Setiap kanak-kanak masalah pembelajaran adalah unik dan mempunyai keperluan pembelajaran yang berbeza (Chin Li Hoong, 2013). Kanak-kanak masalah

pembelajaran mungkin menghadapi kurang upaya dari segi fizikal,sensori dari aspek kemahiran motor kasar dan halus, kognitif dan tingkah laku. Ketidakupayaan ini menyebabkan mereka sukar untuk belajar. Apabila mereka ke sekolah, mereka memerlukan bahan pengajaran yang khas, teknik pengajaran yang direka khas serta kemudahan tertentu untuk membantu mereka dalam proses pembelajaran yang formal (Hallahan & Kauffman 2000).

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran yang telah diperkenalkan pada tahun 2011 merangkumi bidang Asas 3M (Membaca, menulis, mengira), Pengurusan Kehidupan, Seni Kreatif, Pendidikan Islam atau Moral dan Pendidikan Jasmani. Komponen-komponen yang terdapat dalam mata pelajaran Pengurusan Kehidupan pula ialah Pengurusan Diri, Pengurusan Tingkah laku dan Kemahiran Manipulatif. Asas 3M merangkumi Bahagian Malaysia,





Bahasa Inggeris dan Matematik manakala Pendidikan Seni Visual dan Pendidikan Muzik pula merupakan komponen dalam mata pelajaran Seni Kreatif. Bagi kanak-kanak pendidikan khas seperti autistik, sindrom down, *celebral palsy* atau hiperaktif, mereka memerlukan kurikulum alternatif dalam pembelajaran (Norfishah, 2016).

Di sekolah, mata pelajaran Kemahiran Manipulatif adalah satu subjek yang menekankan aspek kemahiran motor halus, kemahiran motor kasar dan pengamatan pendengaran dan pengamatan penglihatan. Mata pelajaran ini dibina dengan harapan agar kanak-kanak masalah pembelajaran dapat menjalani kehidupan mereka dengan lebih bermakna. Diharap selepas mempelajari mata pelajaran ini, kanak-kanak masalah pembelajaran dapat melakukan aktiviti yang melibatkan kemahiran motor iaitu motor kasar dan halus dengan jayanya. Kemahiran motor halus adalah tumpuan utama bagi mata pelajaran ini.

Setiap aspek ini diajar secara berperingkat iaitu tanpa alatan atau bahan, dengan alatan atau bahan dan seterusnya melakukan aktiviti motor halus dalam aktiviti harian (Dokumen Standard pengurusan Kehidupan KSSR 2011). Kesemua aspek yang dinyatakan itu merupakan asas kemahiran motor halus dalam terapi cara kerja.

Untuk mencapai tujuan ini, kanak-kanak bermasalah pembelajaran haruslah menjalani terapi cara kerja bagi meningkatkan penglibatan mereka dalam pembelajaran di sekolah. Terapi cara kerja adalah sejenis terapi yang membolehkan klien melibatkan diri dalam aktiviti harian mereka (*World Federation of Occupational Therapist*, 2012). Menurut Norfishah (2016) terapi cara kerja merupakan bidang khidmat sokongan kesihatan yang dikendalikan oleh jurupulih carakerja yang diiktiraf. Mereka akan bekerjasama dengan pakar dan agensi kesihatan yang lain





untuk mendapatkan sokongan daripada aspek pengendalian tingkah laku, komunikasi, pendengaran dan bidang keperluan khas yang lain. Konsep pelaksanaan perkhidmatan ini memberikan kesan yang positif melalui hubungan dua hala di antara bidang kesihatan, pendidikan dan profesional setempat. Perkhidmatan pemulihan cara kerja membantu kanak-kanak masalah pembelajaran menjalankan tugasannya kehidupan harian di samping menawarkan medium kumpulan sokongan untuk berkongsi pendapat dan maklumat serta mendapatkan respon balas terhadap perkembangan kesihatan anggota (Blom-Cooper, 1989).

1.2.1 Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK) Putrajaya



Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas 3PK ini merupakan sebuah pusat perkhidmatan setempat yang menyediakan perkhidmatan sokongan dan konsultansi bagi membantu kanak-kanak berkeperluan khas ke arah kualiti yang lebih baik. Perkhidmatan yang ditawarkan di 3PK Putrajaya adalah seperti perkhidmatan terapi cara kerja khusus untuk mengenalpasti tahap perkembangan kemahiran motor, kognitif dan tingkah laku, perkhidmatan terapi pertuturan, perkhidmatan audiologis, perkhidmatan peripatetik dan perkhidmatan psikologi klinikal kanak-kanak berkeperluan khas (Pusat 3PK, KPM 2016).





1.2.2 Klinik Kesihatan Kerajaan

Klinik Kesihatan adalah klinik kerajaan yang berada di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Klinik Kesihatan ditubuhkan di setiap darerah. Perkhidmatan terapi cara kerja adalah di bawah Unit Rehabilitasi. Unit Rehabilitasi di klinik kesihatan mempunyai dua perkhidmatan iaitu Perkhidmatan Pemulihan Cara Kerja dan Fisioterapi. Perkhidmatan yang disediakan adalah pemulihan fizikal , pemulihan Psikiatrik dan pemulihan Pediatric iaitu program intervensi awal kanak-kanak yang berkeperluan khas seperti sindrom down, autisma, ADHD, cerebral palsi dan sebagainya (Pejabat Kesihatan Wilayah Persekutuan, Kementerian Kesihatan Malaysia 2016)



1.2.3 Pusat Perkembangan Kanak-Kanak ORLIN, Putrajaya

Pusat Perkembangan Kanak-kanak ORLIN yang terletak di Presint 15 Putrajaya telah ditubuhkan untuk menyediakan perkhidmatan kepada kanak-kanak berkeperluan khas. Pusat ini mempunyai satu konsep bilik darjah terbuka dengan ruang yang mencukupi bagi latihan kemahiran motor kasar dan motor halus dan sudut bacaan. Pusat ini mempunyai seorang jurupulih terapi cara kerja bagi memberi perkhidmatan terapi cara kerja kepada kanak-kanak di pusat ini pada setiap minggu.





1.3 Penyataan Masalah

Kemahiran motor halus merupakan elemen yang penting dalam perkembangan seorang kanak-kanak terutama dari sudut akademik, sosial, emosi dan juga tingkah laku (Mohd Hanafi, Hasnah Toran, Nor Asyikin 2013). Perkembangan kemahiran motor halus dan motor kasar seseorang kanak-kanak banyak bergantung kepada perkembangan otak, keseimbangan badan dan peningkatan koordinasi badan (Mohad Anizu, Ernie Suliana 2008). Kanak-kanak yang mengalami masalah fungsi kemahiran motor halus adalah mereka yang mempunyai masalah menggunakan tangan dan jari. Mereka mempunyai masalah memegang pensel dan gunting, mengenakan butang baju, mengikat tali kasut atau menggunakan sudu ketika makan (Mohd Zuri 2014). Menurut Razhiyah (2006), sekiranya kanak-kanak ini dapat



mereka gagal menulis dengan baik kerana masih lemah menguasai kemahiran motor halus.

Mohd Hanafi, Hasnah Toran, Nor Asyikin (2014) mengatakan bahawa masalah kemahiran motor halus boleh menyebabkan kanak-kanak sukar untuk menyalin dari papan tulis, menjelaskan keupayaan murid untuk menggunakan gunting, mewarna, atau melipat kertas dan menghasilkan kerja yang tidak kemas, serta menjelaskan keupayaan murid untuk menulis. Oleh itu, murid-murid ini memerlukan sesi terapi cara kerja sebagai cara untuk mempertingkatkan keupayaan fungsi kemahiran motor halus mereka.





Mahfuzah Zainol, Rosadah (2014) dalam kajian Intervensi Terapi Cara Kerja Dalam Kemahiran Motor Murid Masalah Koordinasi pula menyatakan bahawa tahap kemahiran motor murid dalam Masalah Perkembangan Koordinasi (MPK) kurang adalah rendah dan mendapat skor kurang daripada dua puluh lima peratus dalam ujian Sistem Penaksiran Pergerakan untuk Kanak-kanak versi dua. Selepas intervensi terapi cara kerja, seramai lima daripada tujuh orang responden menunjukkan peningkatan tahap kemahiran motor. Terdapat lima aspek perubahan yang berlaku ke atas responden selepas intervensi terapi cara kerja iaitu kemahiran motor kasar, kemahiran motor halus, kemahiran kognitif, kemahiran komunikasi dan daya tumpuan. Setiap responden mencatat sekurang-kurangnya tiga daripada lima aspek perubahan yang meningkat selepas intervensi dijalankan.



yang kecil (Krapp & Wilson 2005). Fungsi kemahiran motor halus ini adalah elemen yang sangat penting dalam perkembangan seseorang kanak-kanak. Melalui kemahiran ini, kanak-kanak dapat menjalankan eksplorasi terhadap keadaan sekeliling mereka. Namun begitu, ada kanak-kanak yang menghadapi masalah dengan fungsi kemahiran motor halus. Masalah dengan kemahiran motor halus akan menyebabkan penglibatan murid dalam pelbagai aktiviti di sekolah dan di rumah terbatas. Di sekolah, murid-murid yang menghadapi masalah kemahiran motor halus, tidak dapat menjalankan aktiviti yang melibatkan penggunaan tangan seperti menggunting, menulis, memegang pensel dengan betul dan membentuk huruf (Miller et al 2001). Menurut McHale dan Cermak (1992), Mahfuzah (2014), tiga puluh peratus sehingga enam puluh peratus aktiviti di sekolah melibatkan penggunaan kemahiran motor halus. Hal ini menyebabkan murid-murid yang mempunyai masalah dengan kemahiran motor





halus akan berdepan dengan cabaran untuk mengendalikan aktiviti yang ditugaskan oleh guru.

Selain daripada menghadapi masalah dengan aktiviti di dalam kelas, kanak-kanak dengan masalah kemahiran motor halus turut menghadapi masalah dengan aktiviti pengurusan diri (Cheatum & Hammond, 2000; Summers et al, 2008). Kelemahan dalam mengendalikan kemahiran ini akan mengganggu keupayaan mereka membutang baju, mengenakan zip, memakai stokin, mengenakan kasut dan mengurus diri di tandas. Mereka memerlukan bantuan daripada individu lain dalam aktiviti pengurusan seharian (Case-Smith, 1993). Kanak-kanak ini perlu dirujuk kepada jurupulih terapi cara kerja untuk mengatasi masalah dengan fungsi kemahiran motor halus.



Maka penyelidik merasakan perlu tanganinya dengan kaedah aplikasi aktiviti terapi cara kerja fokus kepada fungsi kemahiran motor halus kepada kanak-kanak bermasalah pembelajaran ini. Dengan kajian yang dilakukan, penyelidik berharap dengan mengaplikasi aktiviti terapi cara kerja ini dapat membantu kanak-kanak ini mengembangkan kemampuan fungsi kemahiran motor halus dalam pergerakan asas mereka.





1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah untuk :

1. Mengenal pasti masalah yang dihadapi kanak-kanak masalah pembelajaran dalam kemahiran motor halus oleh jurupulih cara kerja di Pusat Terapi.
2. Mengenal pasti hasil aktiviti-aktiviti terapi yang dijalankan oleh jurupulih cara kerja untuk kanak-kanak masalah pembelajaran yang masalah kemahiran motor halus di Pusat Terapi, dan
3. Mengenal pasti jenis-jenis aktiviti terapi cara kerja yang efektif untuk pemulihan fungsi kemahiran motor halus kanak-kanak masalah pembelajaran di Pusat Terapi.



1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif yang dinyatakan, persoalan kajian ini adalah:

1. Apakah masalah kemahiran motor halus kanak-kanak masalah pembelajaran di Pusat Terapi?
2. Apakah hasil aktiviti-aktiviti terapi yang dijalankan oleh jurupulih cara kerja untuk kanak-kanak masalah pembelajaran yang mempunyai masalah kemahiran motor halus di Pusat Terapi?
3. Apakah jenis-jenis aktiviti terapi yang efektif untuk pemulihan fungsi kemahiran motor halus kanak-kanak masalah pembelajaran di Pusat Terapi?





1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini meninjau sejauh mana pelaksanaan aktiviti-aktiviti terapi cara kerja yang dijalankan oleh jurupulih carakerja di tiga pusat terapi yang berlainan dapat membantu mempertingkatkan perkembangan kemahiran motor halus kanak-kanak masalah pembelajaran. Kajian ini juga diharap dapat memberi pendedahan dan garis panduan kepada masyarakat luar amnya dan golongan pendidik khasnya guru-guru Pendidikan Khas untuk mengaplikasikan aktiviti terapi cara kerja yang bertepatan dengan keupayaan kanak-kanak masalah pembelajaran di sekolah. Selain dari itu, kajian ini adalah untuk menilai aras kebolehupayaan kanak-kanak masalah pembelajaran dalam menjalani aktiviti-aktiviti terapi cara kerja dan menghasilkan penambahbaikan terutama untuk meningkatkan fungsi kemahiran motor halus mereka.



Selain itu, diharapkan juga maklumat dari kajian ini dapat digunakan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri dalam usaha membina kurikulum yang sesuai untuk semua kategori murid masalah pembelajaran amnya kerana sebagaimana yang diketahui bahawa setiap individu khas adalah berbeza dan unik serta memerlukan perkhidmatan dan pendidikan yang sesuai dengan keperluan mereka. Selama ini golongan yang dikategorikan sebagai bermasalah pembelajaran menggunakan kurikulum yang sama, sedangkan masalah yang dihadapi adalah berbeza. Diharap dapatan kajian ini dapat membantu membentuk satu kurikulum yang memberi manfaat dan berkesan terutamanya dari skop peningkatan perkembangan fungsi kemahiran motor halus kepada setiap kanak-kanak masalah pembelajaran ini.





Berdasarkan dari hasil kajian ini juga diharap kanak-kanak masalah pembelajaran ini dapat menerima program yang bersesuaian dengan keperluan terutama dalam membantu meningkatkan fungsi kemahiran motor halus mereka. Sekurang-kurangnya mereka menerima perkhidmatan pendidikan yang sesuai dengan keperluan mereka di sekolah. Oleh itu, terapi cara kerja yang melibatkan aktiviti kemahiran motor halus dijalankan oleh jurupulih cara kerja adalah untuk membantu kanak-kanak ini dalam aspek kehidupan sehari-hari seperti mengenakan pakaian dan makan, keupayaan belajar seperti menulis dan mewarna atau bermain bersama kawan-kawan. Juga kanak-kanak ini mempunyai keupayaan untuk menyempurnakan kerja harian, hadir ke sekolah dan memainkan peranan dalam masyarakat apabila mereka dewasa.



1.7 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengenal pasti aktiviti-aktiviti terapi cara kerja yang dijalankan kepada kanak-kanak masalah pembelajaran yang bermasalah dalam kemahiran motor halus. Kajian ini dijalankan ke atas tiga orang jurupulih cara kerja daripada negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Sampel yang dipilih adalah jurupulih cara kerja dari Klinik Kesihatan Jinjang, Pegawai Terapi Cara Kerja daripada Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas 3PK Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya dan juga seorang jurupulih cara kerja dari Pusat Perkembangan Kanak-Kanak ORLIN, Putrajaya. Manakala tiga orang murid dijadikan sampel yang merupakan klien kepada jurupulih





cara kerja di pusat terapi masing-masing. Tujuan penyelidik memilih lokasi ini adalah untuk memudahkan penyelidik menjalankan proses penyelidikan .


1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual adalah satu diagram yang dijadikan asas panduan dalam proses penyelidikan dan merupakan satu hubungan idea dalam komponen-komponen penyelidikan (Ghazali & Sufean 2016). Kerangka konseptual juga merupakan asas teori yang menjadi dasar kepada sesuatu kajian untuk diterokai (Creswell 2008). Kerangka kajian menurut Merriam (2001), Othman Lebar (2014) akan menjana permasalahan kajian, persoalan kajian, teknik pengumpulan dan analisis data serta bagaimana menginterpretasi dapatan kajian.



Ghazali (2016) menyatakan bahawa kerangka konseptual boleh memberi gambaran yang sepenuhnya terhadap keseluruhan kajian, memandu penyelidik untuk menyelesaikan masalah kajian dan memudahkan penyelidik mengesan hubungan antara beberapa pembolehubah kajian (Sufean & Ghazali 2016)





Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.1 ini menunjukkan Kerangka Konseptual Kajian yang digunakan oleh penyelidik untuk mengenal pasti aktiviti terapi cara kerja yang paling sesuai dan efektif untuk kanak-kanak pendidikan khas bagi mempertingkatkan fungsi kemahiran motor halus mereka. Kerangka konseptual kajian ini, menekankan kepada tiga aspek iaitu mengenalpasti masalah kemahiran motor halus kanak-kanak masalah pembelajaran yang menjalani terapi cara kerja, mengenalpasti aktiviti-aktiviti terapi carakerja yang dijalankan oleh jurupulih carakerja terhadap kanak-kanak masalah pembelajaran serta mengenal pasti aktiviti-aktiviti terapi carakerja yang efektif yang dijalankan oleh jurupulih carakerja untuk pemulihan fungsi kemahiran motor halus kanak-kanak ini dan ianya menjawab kepada persoalan objektif kajian yang dijalankan.

Dalam terapi cara kerja terdapat tiga proses paling asas yang perlu diketahui oleh jurupulih terapi cara kerja (*American Occupational Therapy Association, AOTA*



2008). Proses yang melibatkan tiga peringkat utama iaitu penilaian, intervensi dan penilaian akhir atau hasil. Proses ini akan berulang-ulang dan tidak terhenti kepada satu peringkat sahaja (Nor Asyikin, 2015).

Jurupulih terapi cara kerja sebagai fasilitator dalam proses menerapkan pengetahuan dan membina kefahaman terhadap aktiviti terapi cara kerja yang dijalankan terhadap kanak-kanak masalah pembelajaran dengan mewujudkan idea tentang apa yang dipelajari. Proses ini mengambil kira penilaian kendiri dan peneguhan ke atas kanak-kanak masalah pembelajaran yang menghadapi masalah kemahiran motor halus.

Terdapat lapan aktiviti terapi carakerja yang dijalankan oleh jurupulih terapi cara kerja kepada kanak-kanak masalah pembelajaran. Aktiviti-aktiviti ini diadaptasi dari buku Kit Kemahiran Motor Halus oleh Mahfuzah dan Norliyana (2015). Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah :

- a. Aktiviti terapati adalah untuk meningkatkan kekuatan otot di jari jemari dan penggunaan kedua-dua belah tangan atau *bilateral integration*
- b. Aktiviti klip baju untuk meningkatkan koordinasi mata dan tangan dan kemahiran pegangan yang betul kepada jari-jari (pegangan mencubit atau dua jari)
- c. Aktiviti manik dan tali untuk memberi stimulasi secara visual dan psikomotor dan meningkatkan koordinasi mata dan tangan.
- d. Aktiviti menguntai tali adalah untuk meningkatkan kekuatan otot di jari dan meningkatkan koordinasi kedua-dua belah tangan.





- e. Aktiviti duit syiling untuk meningkatkan integrasi bilateral kedua-dua belah tangan dan kemahiran memanipulasi.
- f. Aktiviti skru dan nat adalah untuk meningkatkan kemahiran mengawal pergerakan tangan (*in-hand manipulation*) dan koordinasi mata dan tangan.
- g. Aktiviti kapas berwarna adalah untuk meningkatkan integrasi bilateral kedua-dua belah tangan (satu tangan menyepit, satu tangan memegang mangkuk). Juga untuk meningkatkan daya koordinasi mata dan tangan dan kemahiran memanipulasi objek kecil menggunakan penyeprit.
- h. Aktiviti *pegboard* adalah untuk meningkatkan kemahiran pegangan tangan yang betul kepada jari-jari (pegangan mencubit atau dua jari) dan meningkatkan koordinasi mata dan tangan.

Kelapan-lapan aktiviti terapi cara kerja ini dijalankan oleh tiga orang jurupulih



pembelajaran. Kanak-kanak masalah pembelajaran menghadapi pelbagai isu yang kompleks dalam aspek kognitif, bahasa dan komunikasi, sosial, emosi dan kemahiran motor. Kesemua isu ini adalah berkait rapat antara satu sama lain. Ini bermakna jika mereka menghadapi masalah perkembangan koordinasi, masalah lain juga mungkin wujud dalam diri kanak-kanak itu. Masalah ini memberi impak kepada karektor mereka. Oleh yang demikian, kekuatan dan kekurangan seseorang kanak-kanak masalah pembelajaran yang mempunyai masalah fungsi kemahiran motor halus perlu diberi perhatian.

Berdasarkan kerangka konseptual kajian ini, apabila kanak-kanak bermasalah kemahiran motor halus dapat mencapai tahap kemahiran motor halus yang memuaskan dalam persekitaran yang bermakna, keberkesanan aktiviti terapi cara





kerja yang dijalankan dapat dicapai. Keberkesanan aktiviti terapi cara kerja yang dijalankan oleh juru pulih cara kerja, merangkumi lapan aktiviti kemahiran motor halus yang dinyatakan. Untuk kajian ini, penyelidik akan memilih aktiviti kemahiran motor halus yang paling efektif yang mencapai tahap pemulihan fungsi kemahiran motor halus kanak-kanak masalah pembelajaran. Kerangka konsep ini turut menggambarkan persoalan dan juga fokus bagi kajian ini.

1.9 Definisi Operasional

Berikut merupakan definisi kepada istilah-istilah digunakan oleh penyelidik dalam kajian yang dijalankan;



1.9.1 Terapi Cara Kerja

Menurut Case-Smith & Rogers (2005), terapi cara kerja ialah perkhidmatan profesional yang memberi input terapi atau segala bentuk intervensi kepada murid berkeperluan khas dalam suasana pembelajaran untuk meningkatkan kefungsian akademik dan mencapai matlamat pendidikan. Dalam konteks kajian ini, terapi cara kerja adalah perkhidmatan profesional iaitu jurupulih terapi cara kerja yang memberi khidmat terapi dan intervensi pemulihan terhadap kanak-kanak masalah pembelajaran yang menghadapi masalah kemahiran motor halus. Perkhidmatan dijalankan untuk meningkatkan fungsi kanak-kanak dalam mengurus diri dan aspek lain yang berkaitan dengan kehidupan harian seseorang.





1.9.2 Jurupulih Cara Kerja

Menurut Persatuan Jurupulih Carakerja Malaysia (MOTA), jurupulih cara kerja merujuk kepada ahli profesional dalam bidang kesihatan yang bekerja dengan individu, keluarga, kumpulan dan masyarakat untuk meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan melalui penglibatan dalam pekerjaan. Mereka juga terlibat dalam pemulihan perkembangan kanak-kanak dalam aktiviti kehidupan sehari-hari, produktiviti dan aktiviti masa lapang kanak-kanak berkeperluan khas. Dalam kajian ini, jurupulih cara kerja merujuk ahli profesional yang berkhidmat di 3PK, Klinik Kesihatan dan Pusat ORLIN untuk memberi fokus kepada rawatan pemulihan ke atas kanak-kanak masalah pembelajaran yang mempunyai masalah dalam fungsi kemahiran motor halus.



1.9.3 Kemahiran Motor Halus

Dalam konteks kajian ini, kemahiran motor halus adalah merujuk kepada kemahiran yang melibatkan otot-otot kecil pada tangan, pergelangan tangan dan jari-jari tangan kanak-kanak bermasalah pembelajaran. Kemahiran motor halus juga melibatkan koordinasi pergerakan otot kecil dan organ deria seperti pergerakan atau manipulasi pada jari jemari serta koordinasi mata dan tangan.





1.9.4 Pusat Terapi

Pusat terapi bermaksud pusat yang ditubuhkan untuk membantu individu dengan keperluan khas mendapat khidmat nasihat dan bimbingan ke arah kualiti hidup yang lebih baik. Dalam konteks kajian ini, tiga pusat terapi yang dipilih adalah Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas 3PK, Putrajaya, Klinik Kesihatan Jinjang, Kuala Lumpur dan Pusat Perkembangan Kanak-Kanak ORLIN, Putrajaya.

1.9.5 Pemulihan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), pemulihan bermaksud perbuatan memulihkan atau pengembalian kepada keadaan semula. Dalam kajian ini, konsep pemulihan merujuk kepada kanak-kanak yang menghadapi masalah dalam pembelajaran yang bermasalah kemahiran motor halus. Pemulihan biasanya dikaitkan dengan usaha untuk memperbaiki sesuatu kekurangan atau memperbetul sesuatu.

1.9.6 Kanak-Kanak Masalah Pembelajaran

Menurut Mohad Anizu Mohd Nor & Ernie Suliana Md Shariff (2010), kanak-kanak bermasalah pembelajaran merupakan kanak-kanak yang telah dikenalpasti dan disahkan oleh pakar profesional klinikal sebagai mengalami kecacatan yang menganggu proses pembelajaran. Kategori ini merangkumi keadaan yang menjelaskan kemampuan pembelajaran seperti sindrom down, autisme, ADHD, masalah pembelajaran spesifik (disleksia, diskalkulia dan disgrafia) dan terencau akal.





Dalam kajian ini, kanak-kanak masalah pembelajaran merupakan klien kepada jurupulih terapi carakerja di tiga pusat terapi yang telah dipilih yang telah dikenalpasti dan disahkan oleh pakar profesional klinikal sebagai mengalami kecacatan yang menganggu proses pembelajaran.

1.10 Rumusan

Pelaksanaan terapi cara kerja yang dijalankan terhadap kanak-kanak bermasalah pembelajaran oleh jurupulih carakerja adalah sangat penting untuk pemulihan fungsi kemahiran motor halus mereka. Dalam erti kata lain, terapi cara kerja dapat menghubungkan aktiviti dengan kemahiran lain dalam merangsang perkembangan kemahiran motor halus kanak-kanak masalah pembelajaran.

Keberkesanan dan impak terapi cara kerja yang dijalankan boleh diaplikasikan dan mampu meningkatkan tahap perkembangan kemahiran motor halus kanak-kanak masalah pembelajaran ini dalam menjalani aktiviti-aktiviti seharian mereka dengan lebih selesa dan teratur terutamanya untuk aktiviti pengurusan diri di sekolah dan di rumah.

